

23 NOV 1998

LEAD Mahkamah-Anwar

UMMI HAFILDA SERAH DISK KOMPUTER BERTAJUK XXX-RATED

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, diberitahu seorang pemilik agensi pengiklanan Ummi Hafilda Ali menyerahkan kepada polis beberapa dokumen beserta sekeping cakera komputer yang bertanda "X-rated" dan "XXX-rated".

Saksi pendakwaan kesembilan, ASP Zulkifli Mohamed berkata penyerahan itu dibuat semasa beliau menggeledah pejabat Ummi Hafilda pada 18 Ogos tahun lepas, sehari selepas dia ditangkap.

Menurut beliau, Ummi Hafilda adik kepada bekas setiausaha peribadi Anwar, Mohd Azmin Ali dibawa ke Karisma Advertising di Danau Kota, Setapak di sini pada pukul 11 pagi selepas beliau diserahkan kembali oleh DSP Abdul Aziz Hussin dari Cawangan Khas, Bukit Aman.

Ummi Hafilda sebelum itu diserahkan kepada pegawai di Cawangan Khas itu setelah ditangkap di sebuah rumah di Jalan Medang Tanduk, Bukit Bandaraya, Bangsar di sini bersama Azizan Abu Bakar, pada pukul 10.25 malam sebelumnya.

Zulkifli, 40, dari Bahagian Pendakwaan Undang-undang Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) berkata demikian pada perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dituduh menyalahgunakan kedudukannya untuk campurtangan dalam siasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks.

Anwar, 51, didakwa mengikut Seksyen 2 (1) Ordinan No. 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya.

Perbicaraan yang masuk hari ke-11 itu didengar di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk S. Augustine Paul.

Sebelum ini, mahkamah diberitahu bahawa Ummi Hafilda dibawa ke Cawangan Khas untuk disoal siasat selepas ditangkap dan menjalankan proses "turning over" bagi menarik balik dakwaannya terhadap Anwar.

Dia disoal siasat selama enam jam tanpa henti sehingga bersedia mengubah pendiriannya pada pukul 7 pagi hari berikutnya.

Semasa menjawab pertanyaan Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail, Zulkifli berkata semasa penggeledahan pejabat itu, beliau tidak mengambil apa-apa tetapi diserahkan beberapa dokumen serta cakera komputer itu oleh Ummi Hafilda.

Zulkifli berkata beliau juga diserahkan dua salinan dokumen surat perihal salah laku berkenaan, lima salinan pengakuan bersumpah Azizan serta 22 helai kertas yang dipakai bertulisan tangan yang tidak diketahui kepunyaan siapa.

Sebelum itu Zulkifli, yang mula bertugas di JSJ pada 1 Ogos 1997, memberitahu mahkamah bahawa ACP Mazlan Mohd Din menghubunginya pada 17 Ogos, lebih kurang 5.30 petang memintanya ke rumah No. 56 Jalan Medang Tanduk, Bukit Bandaraya dengan segera untuk menangkap Ummi Hafilda dan Azizan.

Zulkifli berkata Mazlan beberapa kali menghubungi tuan rumah berkenaan Dr Ristina Majid melalui telefon bimbitnya bagi membolehkan mereka masuk tetapi hanya dibenarkan masuk ke halaman pada pukul 6 petang dan masuk ke dalam rumah pada pukul 10.25 malam.

"Selepas masuk ke dalam rumah saya membuat tangkapan terhadap Ummi Hafilda dan Azizan yang kemudian saya serah kepada ACP Mazlan," katanya.

Menurut Zulkifli lagi Ummi Hafilda dan Azizan kelihatan amat terkejut dan pucat serta menggigil setelah beliau memberitahu sebab-sebab mereka ditangkap.

Beliau berkata, bagaimanapun, Ummi Hafilda dan Azizan tidak menafikan apa-apa berhubung dakwaan terhadap mereka, cuma mereka seperti merayu supaya mereka tidak diapa-apakan.

Sebelum itu, dalam pemeriksaan utama oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail, Zulkifli memberitahu mahkamah bahawa Ummi Hafilda dan Azizan ditangkap kerana disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Hasutan.

Zulkifli berkata Ummi Hafilda dan Azizan juga tidak meminta sebarang jaminan daripada beliau semasa mereka berada bersama-samanya untuk tempoh 10 hingga 20 minit.

Semasa disoal balas oleh peguam bela Christopher Fernando beliau bersetuju bahawa dalam keadaan biasa, polis tentu telah memecahkan pintu untuk masuk jika tuan rumah tidak memberikan kerjasama.

"Dalam kes ini, kami cuba sedaya upaya juga untuk mendapatkan kerjasama daripada tuan rumah untuk memasuki rumah itu," katanya.

Beliau menafikan cadangan Fernando bahawa ada orang lain yang campur tangan dalam kes itu sehingga menyebabkan polis terpaksa mengambil masa lebih empat jam untuk membuat tangkapan.

Beliau juga tidak perasan sama ada terdapat orang kenamaan dalam rumah Dr Ristina ketika tangkapan dibuat dan tidak ada pegawai polis kanan di situ sebelum pasukannya masuk ke dalam rumah itu.

Sementara itu saksi ketujuh Pegawai Jabatan Siasatan Khas ACP Mazlan Mohd Din dari Cawangan Khas memberitahu Mahkamah Tinggi hari ini beliau tidak bermaksud untuk bertindak bertentangan dengan agama Islam ketika melakukan "turning over" seorang saksi penting dalam perbicaraan Anwar.

Mazlan yang menyambung semula keterangannya selepas perbicaraan ditangguhkan seminggu dan disambung semula hari ini berkata, beliau tidak pernah memberi pertimbangan bahawa apa yang dilakukan itu bertentangan dengan agama.

"Pada malam itu tidak langsung terlintas di fikiran saya untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam," katanya ketika disoal oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya Azahar Mohamed.

Sebelum itu, ketika ditanya peguam bela Christopher Fernando, Mazlan bersetuju usaha "turning over" yang dilakukan itu bertentangan dengan kepercayaan agamanya, memandangkan beliau yakin dengan kenyataan asal Azizan, apatah lagi Azizan telah bersumpah dengan surah Yasin.

Fernando: Kalau betul apa yang kamu katakan adalah benar bahawa kamu mempercayai Azizan berdasarkan dua sebab, iaitu bersumpah dengan menggunakan surah Yasin dan konsisten dengan cerita-ceritanya, bukankah kamu dengan itu melakukan satu yang bertentangan dengan kepercayaan agama kamu sendiri.

Mazlan: Ya, saya setuju.

Fernando: Jika kamu seorang yang bertentangan dengan kepercayaan agama kamu sendiri, saya katakan kamu tidak boleh dipercayai walaupun telah bersumpah.

Ketika disoal semula oleh Azahar, Mazlan berkata beliau tidak pernah terfikirkan apa yang dilakukannya bertentangan dengan ajaran Islam.

Azahar: Tadi semasa disoal kamu berkata kamu sedia mengubah sesuatu yang bertentangan dengan agama, adakah bermakna semasa melakukan "turning over" perkara itu dalam pertimbangan kamu.

Mazlan: Pada malam itu tidak langsung terlintas di fikiran saya untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Azahar: Adakah kamu berbuat sesuatu dengan niat bertentangan dengan agama.

Mazlan: Pada malam itu saya tidak ada niat melakukan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Saksi Kelapan pendakwa Morni Jambari, 39, pembantu tadbir dengan

Cawangan Khas di Bukit Aman berkata beliau yang bekerja di bawah kelolaan DSP Abdul Aziz Hussin menerima arahan daripada pegawainya itu untuk menaip surat terbuka Azizan yang ditulis dengan tangan selepas tengah malam, 29 Ogos 1997.

Morni berkata beliau menaip dokumen yang diserahkan Abdul Aziz sebelum mengembalikan kedua-duanya kepada pegawainya.

Sementara itu Mahkamah Tinggi di sini menangguhkan hingga 4 Dis bagi mendengar permohonan peguam Karpal Singh untuk tidak hadir sebagai saksi pendakwa pada perbicaraan Anwar.

Hakim Augustine Paul berkata pendakwa harus mengemukakan afidavit sebagai jawapan kepada permohonan oleh Karpal dan memberi sebab-sebab mengapa beliau (Karpal) dikehendaki sebagai saksi.

Paul kemudian membenarkan permohonan Abdul Gani untuk mengemukakan afidavit bagi perbicaraan lanjut.

Karpal yang mewakili Anwar dalam satu saman sivil mencabar kesahihan pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri itu daripada Kabinet pada 2 Sept lalu mengemukakan notis usul memohon perintah untuk mengenenpikan sapina yang diserahkan kepadanya untuk hadir sebagai saksi pendakwa pada perbicaraan Anwar.

Anwar pula tiba di makamah pada 8.37 pagi diikuti oleh isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan anak mereka Nurul Izzah dan Nurul Nuha.

Orang ramai masih berpusu-pusu ke perkarangan mahkamah untuk mendengar perbicaraan itu sehingga sudah 40 orang berbaris pada 9 pagi.

Keadaan di luar mahkamah nampak tenang dengan beberapa anggota polis kelihatan berkawal.

-- BERNAMA
NHD SBB PR

<<END>>>

23 NOV 1998

PEMIMPIN UNMO PERLU TUMPU AGENDA PARTI DAN KERAJAAN, KATA ANNUAR

KOTA TINGGI, 23 Nov (Bernama) -- Pemimpin Umno perlu memberi keutamaan kepada agenda kepentingan kerajaan dan parti daripada kepentingan peribadi, kata Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa hari ini.

Beliau berkata, mereka perlu turun ke bawah bagi memberi penjelasan kepada rakyat untuk menyangkal tomahan yang dilemparkan oleh golongan anti kerajaan bagi memburukkan kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

"Agenda ini patut diberi keutamaan sekarang dan bukannya sekadar berjumpa dan bercakap kepada perwakilan mengenai hal-hal pertandingan yang dianggap sebagai perkara yang tidak sihat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kilang Seiwa-Podoyo (M) Sdn Bhd di Bandar Tenggara, dekat sini.

Annuar, yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata apabila tumpuan utama diberikan kepada agenda pertandingan menyebabkan kepentingan parti turut diabaikan.

"Mereka yang akan bertanding bagi jawatan tertinggi parti adalah di kalangan pemimpin senior dalam kerajaan dan parti serta masing-masing sudah mempunyai rekod. Oleh itu, mereka tidak perlu lagi bercakap banyak mengenainya," kata beliau. -- BERNAMA

ZA AKD